



**“We will have to shift from the mind-set of
controlling nature to a mind-set of living
with nature”**

Rotina Mohd Daik
Director General
National Landscape Department



JABATAN LANDSKAP NEGARA
Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F,
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 PUTRAJAYA.
Tel.: (603) 8091 0500 | Faks.: (603) 8091 0670 |

HARI LANDSKAP NEGARA 2021

**Towards the Future Landscape:
Localizing Sustainable Development Goals**



1996-2021
JABATAN LANDSKAP NEGARA
#25yearslandscapingthenation



Jabatan Landskap Negara



landskapnegara



landskap negara



<http://www.jln.gov.my>

"Sustainable development is development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs."

Gro Harlem Brundtland



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan Izin-Nya, Jabatan Landskap Negara telah berjaya menerbitkan Buletin Landskap Negara Edisi 2021. Buletin Landskap Negara yang memaparkan projek dan program Jabatan, peristiwa dan aktiviti semasa, perkongsian ilmu dan maklumat, bingkisan dari agensi, Pihak Berkuasa Tempatan dan penggiat industri landskap serta pelbagai catatan lakaran pencapaian dan kejayaan. Buletin Landskap Negara adalah platform Jabatan dalam menyampaikan wadah informasi pembudayaan landskap kepada masyarakat. Pasti penerbitan pada tahun ini lebih istimewa dan amat bermakna kerana ianya bersempena 25 tahun penubuhan Jabatan Landskap Negara.

Tahun ini bermula dengan penuh gemilang, menyaksikan kali pertama penganjuran Hari Landskap Negara diadakan secara hibrid seminar, dirasmikan secara fizikal dan diadakan secara atas talian. Bukan sahaja melibatkan pembentang dan peserta dari dalam negara, malah turut diraikan di peringkat antarabangsa.


Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara juga turut menyokong usaha kerajaan dalam memupuk norma baharu di kalangan masyarakat melalui Program Malaysia Prihatin – Norma Baharu Berekreasi. Selain itu, tahun 2021 juga menyaksikan Dasar Kebun Komuniti Bandar yang dirangka sejak tahun 2020 dilancarkan dan dirasmikan oleh YB Datuk Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jabatan turut berbangga dengan kejayaan penganjuran World Landscape Architect Summit IFLA 2020 yang telah berlangsung secara live streaming di Georgetown, Pulau Pinang pada 18hb hingga 22hb Ogos 2020.

Walaupun kita masih dalam tempoh mencabar memerangi Pandemik Covid-19, namun ianya tidak menghalang usaha dan tekad seluruh warga Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawab dalam norma baharu. Jabatan akan sentiasa memastikan perkhidmatan yang terbaik dan berterusan dengan mengamalkan norma baharu budaya kerja perkhidmatan awam. Ini dapat disaksikan melalui paparan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2021 di dalam penerbitan buletin ini. Syabas saya ucapkan kepada semua warga Jabatan Landskap Negara.

Saya percaya kecemerlangan pembangunan landskap negara akan terus unggul, didorong oleh usaha dan komitmen berterusan seluruh warga Jabatan dengan kerjasama semua pihak, baik di peringkat persekutuan, negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, penggiat industri landskap termasuklah sokongan Badan Bukan Kerajaan, badan korporat dan komuniti.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengamalkan pembudayaan norma baharu dalam menjalani kehidupan seharian kita agar rantai covid-19 dapat dihapuskan. Lindung diri, lindung keluarga dan stay safe.

Sekian, terima kasih.

ROTINA BINTI MOHD DAIK
KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA

ISI KANDUNGAN

FOKUS : HLN 2021



PERISTIWA



PROGRAM TERAS




WAWANCARA



HEBAHAN MEDIA



AKTIVITI



PERSPEKTIF



UJANA INSPIRASI



Editorial Buletin Landskap Negara

PENASIHAT
Rotina binti Mohd. Daik
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

KETUA EDITOR
Meor Saadon Sofian Mior Razali
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Jabatan Landskap Negara

EDITOR
Mohd Saifuddin bin Ali
Pengarah
Bahagian Promosi & Industri
Landskap

SIDANG PENGARANG
Mohd. Saifuddin Ali
Noor Fadilah Yusop@Othman
Muhammad Haziq Bin Rusli
Hasri bin Haji Saide
Shuriani binti Shaari
Mazkhalis bin Haji Mahi
Noor Azmah binti Kamaruddin
Diana binti Mohd Daud

URUS SETIA
Noor Fadilah Yusop@Othman
Shaziatul Mat Kasiri
Mazkhalis bin Haji Mahi
Bahagian Promosi & Industri
Landskap

KONSEP REKABENTUK
Mazkhalis bin Haji Mahi

FOKUS

Towards the Future Landscape:
Localizing Sustainable Development Goals



Penulis

Noor Fadilah Yusop @ Othman

Hari Landskap Negara (HLN) adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN). Secara tradisinya sambutan HLN diadakan pada 3hb Mac setiap tahun. Sambutan pada tahun ini adalah kali yang ke-23 diadakan sejak diperkenalkan pada tahun 1998 dan turut disambut bersempena 25 Tahun penubuhan Jabatan Landskap Negara.

Tema HLN 2021

Tema “Towards Future Landscape – Localizing Sustainable Development Goals” dipilih untuk menekankan dan menggariskan peranan pihak berkepentingan yang merangkumi anggota masyarakat dalam melaksana, mengambil bahagian dan mewujudkan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDG*) di Malaysia dalam konteks pendekatan seni bina landskap bagi menangani masalah persekitaran serta meningkatkan kesejahteraan bandar selain menekankan peranan komuniti seni bina landskap.

Objektif HLN 2021

Sambutan HLN 2021 ini diadakan bertujuan untuk memberi penekanan terhadap pendekatan dan pelaksanaan seni bina landskap dalam mengadaptasikan Matlamat Pembangunan Mampan di Malaysia, memupuk dan memperkenalkan kegiatan rekreasi norma baharu di taman awam, menyebarkan maklumat dan agenda terkini dalam program pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh Kerajaan kepada masyarakat, meningkatkan kesedaran semua pihak untuk menggiatkan usaha dan inisiatif bagi mencapai matlamat ke arah Malaysia Negara Taman Terindah dan menyokong perkembangan industri landskap negara di peringkat antarabangsa.

Sambutan HLN 2021 ini juga menandakan usaha Kerajaan untuk memelihara dan mendidik masyarakat terutama generasi muda untuk mencintai dan menghargai landskap. Etika menghargai landskap juga akan berkembang sebagai budaya hidup masyarakat Malaysia agar pembangunan yang seimbang dan harmoni dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sejajar dengan teras pertama Dasar Landskap Negara.

FOKUS

Majlis Perasmian

Buat julung kalinya, HLN diraikan menerusi pendekatan hibrid seminar dengan tema “Towards Future Landscape – Localizing Sustainable Development Goals”. Ini berikutan situasi pandemik covid-19 yang masih melanda negara pada tarikh sambutan diadakan iaitu daripada 2hb hingga 3hb Mac 2021. Majlis perasmian pada 2hb Mac 2021 disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Beliau diiringi oleh Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKT yang mewakili Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha, KPKT dan Puan Hajah Rotina binti Mohd. Daud, Ketua Pengarah JLN.



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Zuraida Binti Kamaruddin merasmikan Hari Landskap Negara 2021

FOKUS



Ketua Pengarah, Puan Rotina Daik mengiringi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Hajah Zuraida Binti Kamaruddin ke pentas utama.



Towards the Future Landscape:
Localizing Sustainable Development Goals

HARI
LANDSKAP
NEGARA
2021



Majlis perasmian dimulakan dengan Ucapan Aluan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKT yang mewakili Ketua Setiausaha KPKT, diikuti oleh tayangan video Perutusan daripada UN-Habitat yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Maimunah binti Mohd Shariff, *Executive Director of the United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)* seterusnya Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan diakhiri dengan tayangan video sambutan HLN 2021.

Majlis perasmian HLN 2021 yang diadakan secara fizikal di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi KPKT. Manakala jemputan lain termasuk Jabatan dan agensi peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, penggiat industri landskap, institusi pendidikan, badan korporat, badan bukan kerajaan dan orang awam telah dijemput untuk menyaksikan sambutan HLN 2021 secara atas talian menerusi platform FB Live JLN dan KPKT serta Zoom Webinar.



FOKUS

Towards the Future Landscape: Localizing Sustainable Development Goals



Hibrid Seminar “Towards the Future Landscape : Localizing Sustainable Development Goals”.

Menjadi satu kebanggaan kepada Jabatan kerana seminar ini telah disertai oleh pembentang kertas kerja terdiri daripada para profesional daripada dalam dan luar negara merangkumi pembuat dasar, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ahli akademik, pengiat industri landskap dan badan bukan kerajaan yang berkaliber dan terkenal dalam bidang kepakaran masing-masing.

Sesi hibrid seminar selama dua hari yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Nor Atiah Ismail, Naib Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) sebagai moderator menyaksikan pembentangan sembilan (9) kertas kerja di bawah tiga (3) subtema yang membincangkan dan menguraikan isu-isu penting, senario, cabaran dan amalan terbaik dalam mengadaptasikan SDG di Malaysia.

Antara pengisian utama seminar HLN 2021 adalah Perutusan daripada IFLA oleh Profesor James Hayter, *President, International Federation of Landscape Architects (IFLA)* dan Perutusan dari World Urban Parks oleh Jayne Miller, *Chair of World Urban Parks*.



FOKUS



Perutusan daripada IFLA oleh Profesor James Hayter, President, International Federation of Landscape Architects (IFLA)



Perutusan dari World Urban Parks oleh Jayne Miller, Chair of World Urban Parks.

Manakala pembentangan kertas kerja pula disampaikan oleh YBhg. Dato’ Sr. Haji Rozali bin Haji Mohamud, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan, Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Dr. Noor Azlin binti Yahya, Presiden Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia (MyParks), LAr. Mustika Ally binti Zulkifli, Pengarah Jabatan Landskap, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Dr. Lee Yoke Lai, Pensyarah Seni Bina Landskap, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia, LAr. Mohd. Fadriillah Taib, Pengarah Urusan Morphosis Design, LAr. Juita Wan Hashim, Pengarah Urusan Verona Design, LAr. Phua Chin Eng, Pengarah Urusan Land Art Design dan Sofia Castelo, *Lead of the Resilience Community of Practice - Environment and Climate Change*, Think City.

FOKUS

Hibrid Seminar “Towards the Future Landscape : Localizing Sustainable Development Goals”.



Panel 1

YBhg. Dato' Sr Hj Rozali b. Hj Mohamud
Mayor Majlis Bandaraya Seberang Prai, Pulau Pinang

Title:
Taking Lead in Translating Sustainable Development Goals

Dealing with a city with various land use segments including industrial areas, housing, ports and rural areas is not an easy task for a newly upgraded municipality as a city. The Mayor of MBSP will share the wishes of this city council in making this city as a Green City that meets the Sustainable Development Goals.

Dr. Suhardi Maulan
President
Institute of Landscape Architect Malaysia (ILAM)

Title :
Helping the World in Achieving SDG: The landscape Architects Perspective

Believing in the involvement of landscape architects in the human well-being, there are outlines how this profession contributes in the achievement of SDGs and what SDGs are from the perspective of landscape architects.



Panel 3

Dr Lee Yoke Lai
Faculty of Built Environment
Universiti Teknologi Malaysia

Title : **Interpreting SDG11 in Landscape Architectural Studio on Community Park Planning and Urban Farming**

Make cities inclusive, safe, resilient and sustainable is one of the Sustainable Development Goals. From an educational perspective, how the achievement of this goal can be applied in professional education at higher educational institute

The climate crisis poses a challenge to all professions, but landscape architects have a special role in addressing urban challenges in terms of heat stress and stormwater management. Think City has developed the first municipal climate adaptation programme for Malaysia, the nature-based climate adaptation programme for the urban areas of Penang island, focused on addressing four main challenges: heat stress, flooding, social vulnerability, and gaps in institutional capacity. The first two challenges can best be addressed with nature-based solutions, the tools of landscape architecture. The programme was awarded the Climathon Global Cities Award in January 2020 and was endorsed by the Adaptation Fund to receive international funding in the amount of US\$10,000,000. Changes in weather patterns are already taking place and impacting all life on Earth. This is the case with tree species, which are estimated to suffer substantial urban habitat losses in the near future. For this reason, Think City has initiated the Climate-resilient street tree species study for Malaysia, which is being sponsored by the Climathon Global Cities Award.

Panel 4
Sofia Castelo
Landscape Architect
Think City

Title:
Urban Climate Adaptation: The case of Penang Island and the Climate Resilient Street Tree Species Study for Malaysia



Panel 2



Panel 6

Dr. Noor Azlin Yahya
President of MyParks Malaysia
Deputy Director General FRIM

Title:
Contributions of Parks in Achieving SDG

Affiliated to the international World Urban Park organization, Malaysia Parks, Amenity and Recreation Management Society (MyParks) advocates for the sustainability of parks in Malaysia to maximize their ecological and sociological benefits. The President of MyParks will describe the functional aspects of parks that are in line with the aspirations of the Sustainable Development Goals. 1

Panel 7

LAr. Juita Wan Hashim
Principal
Verona Design



Title:
Imbroglia Crisis Management: Urban Parks for Healthy Living Environment

Using an Italian terminology "Imbroglia" which defined as 'Tangle', 'Entanglement', and 'Chaotic Situation' and in line with the current COVID-19 pandemic which has caused an unprecedented human and health emergency, this crisis management elaborates in-depth about effective preventive initiatives to strengthen the mental health during this crisis through urban park development and healthy living environment.

Panel 8

LAr. Mohd. Fadrihah Taib
Principal
Morphosis Design



Title:
Healing from Degradation: Ujana Perbandaran Sg. Petani

A sharing on how a converted brown field area that has successfully benefited the locals in Sungai Petani from our prominent landscape architect. A completed project of Ujana Perbandaran Sungai Petani has also won several awards from the Malaysian Landscape Architects Award.

Panel 9

LAr. Phua Chin Eng
Principal
Land Art Design



Title:
Biophilic Approach for Sustainable Living

Biophilic design is an approach to architecture that seeks to connect building occupants more closely to nature. Biophilic designed buildings incorporate things like natural lighting and ventilation, natural landscape features and other elements for creating a more productive and healthy built environment for people. It also shows how landscape blend with engineering and environment.

FOKUS

A sharing session from Director of Landscape Department, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Southern part of Malaysia. She will share on how cities can emerge stronger from this pandemic by investing in sustainable green infrastructure to enhance a city's health. Cities are facing unprecedented challenges from public health crisis to climate crisis. There is an urgency to enhance a sustainable urban living that embraces resilience, innovation, public well-being and inclusivity. She believes that everyone has the right to live in a great place. How to improve the quality of life, enhance the environment, forge stronger communities and local economies, preserve cultural traditions, inspire creativity and achieve social equity for everyone.

Title:
Emerging Stronger for a Healthy and Sustainable Green Infrastructure



Panel 5

LAr. Mustika Ally binti Zulkifli
Director of Landscape Department
Johor Bharu City Council

FOKUS

Lensa Hari Landskap Negara 2021



PERSPEKTIF

Program Malaysia Prihatin : Norma Baharu Berekreasi

Pada 13 Mac 2021 telah berlangsung Program Malaysia Prihatin Norma Baharu Berekreasi di Zon Rekreasi Keluarga Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Program yang disempurnakan oleh YB. Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dihadiri kira-kira 200 pengunjung dengan mengekalkan #penjarakansosial di dalam berekreasi di taman.

Program ini adalah merupakan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kesedaran komuniti memerangi wabak Covid-19 dan memupuk pembudayaan norma baharu dalam berekreasi dikalangan masyarakat.



PERSPEKTIF

MAJLIS PELANCARAN DASAR KEBUN KOMUNITI BANDAR (DKKB)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Dasar Kebun Komuniti Bandar (DKKB) pada 3hb Ogos 2021.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB. Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan secara live streaming melalui FB Live KPKT.

DKKB diperkenalkan bagi memperkasakan komuniti bandar untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan ruang persekitaran dengan melaksanakan aktiviti kebun komuniti di kawasan bandar secara tersusun, sistematik organik dan mampan

Satu sesi penerangan mengenai DKKB turut disampaikan oleh Ketua Pengarah JLN dalam majlis pelancaran tersebut, dimana JLN turut memainkan peranan penting dalam membangunkan DKKB.



PERSPEKTIF

IFLA2020 WORLD CONGRESS AND LANDSCAPE ARCHITECTS SUMMIT

Persidangan Arkitek Landskap Sedunia dan World Landscape Architect Summit IFLA 2020 yang julung kali diadakan secara maya telah berlangsung daripada 18hb hingga 22hb Ogos 2021 di Georgetown, Pulau Pinang. Majlis pembukaan Persidangan IFLA dan World Landscape Architect Summit 2020 pada 18hb Ogos 2021 telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri (Caretaker).



Persidangan selama 5 hari ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) dan International Federation of Landscape Architects (IFLA). IFLA 2020 adalah persidangan arkitek landskap dari seluruh negara, sebagai platform untuk berkongsi idea dan inspirasi bagi memastikan profesion senibina landskap mampu menghadapi cabaran pada masa kini dan dalam tempoh 10 tahun akan datang.



Tema penganjuran IFLA 2020 adalah Future Tense dengan empat (4) sub tema iaitu Finite Resources, Transient Living, Homogenous Culture and Diverse Population, serta Natural disasters: Expect the Unexpected. Ketua Pengarah Landskap Negara, Puan Hajah Rotina Mohd Daik turut diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan keynote di dalam Sesi Ucaptama Future Tense bertajuk Future Landscape: Synergizing Efforts Towards Effective and Integrative Practice.



PROGRAM TERAS

Taman Awam Sejahtera, Kudat, Sabah

Konsep Perancangan

Perancangan pembangunan taman ini dimulakan sejak tahun 2017 bermula dengan permohonan pembangunan sebuah taman awam bagi memenuhi keperluan rekreasi 56,000 orang penduduk Kudat khususnya dan rakyat Sabah umumnya oleh Lembaga Bandaran Kudat kepada Jabatan Landskap Negara. Taman yang dibangunkan dengan berkonsepkan Taman Riparian adalah hasil kepakaran pasukan perunding yang dilantik iaitu Arkitek Landskap: Morphosis Design Sdn. Bhd, Jurutera Sivil dan Struktur: Jasa Perunding Sdn. Bhd., Jurutera Mekanikal dan Elektrikal: Petareka Perunding (Sabah) Sdn Bhd dan Juru Ukur Bahan: Etika Hijau Sdn Bhd. Komponen Panikol iaitu sejenis manik hiasan pada pakaian tradisional suku kaum Rungus di Sabah menjadi inspirasi dan diterjemahkan melalui rekabentuk laluan pejalan kaki yang menjadi element utama di taman ini. Corak dan motif kebudayaan yang terdapat pada pakaian tradisional Rungus juga turut ditonjolkan di dalam rekabentuk komponen di taman bagi menonjolkan identity setempat.




Analisis Tapak

Pasukan perunding mengambilkira lokasi tapak yang terletak di tepian Laut yang terdedah kepada peratus kebarangkalian karat yang tinggi semasa proses rekabentuk. Semua komponen taman yang dibuat daripada besi perlu menggunakan galvanised iron sepenuhnya. Mengambilkira topografi dan keadaan permukaan tanah di tapak yang rata dan tiada akses visual ke arah laut, pasukan projek telah mengubahsuai aras laluan pejalan kaki supaya lebih dinamik dan mewujudkan platform pejalan kaki yang lebih tinggi bagi membenarkan akses pemandangan kearah laut. Pokok-pokok Rhu sediaada yang telah matang di tapak dipelihara manakala pokok baru ditanam pada kotak tanaman khas yang arasnya lebih tinggi bagi mengelakkan pokok ditenggelami oleh air masin sekiranya berlaku kejadian air pasang untuk diintegrasikan di dalam rekabentuk taman. Tambahan beberapa jaringan tasik sediaada telah dibuat bagi menampung tankungan air dan 70% tumbuhan asal yang terdiri daripada Lalang serta tumbuhan akuatik dikekalkan bagi mewujudkan pemandangan berkonsepkan riparian yang menarik.



PROGRAM TERAS

Taman Awam Sejahtera Kudat dibina diatas kawasan seluas 20 ekar yang telah digazetkan sebagai kawasan rekreasi bagi Lembaga Bandaran Kudat. Pembinaan taman ini berkonsepkan Riparian yang diinspirasi daripada hiasan manik iaitu 'Pinakol' suku kaum Rungus di Kudat, dengan mengekalkan 70% kawasan semula jadi dan 30% sebagai kawasan lapang bagi kemudahan rekreasi kepada pengunjung. Kawasan ini dipenuhi vegetasi yang kebanyakannya mampu hidup dan beradaptasi di kawasan berair seperti Cat Tail (Typha Latifolia) & Kelapa (Cocos Nucifera) yang mengelilingi tiga jaringan tasik. Selain itu, Taman ini juga dilengkapi dengan komponen taman yang sesuai digunakan oleh semua golongan dan kemudahan yang baik.



Taman Rekreasi Sejahtera Kudat dibina diatas kawasan seluas 20 ekar yang telah digazetkan sebagai kawasan rekreasi kepada semua lapisan masyarakat pelbagai umur. Bagi kanak-kanak pastinya tertumpu kepada Kawasan taman permainan bersepadu dan Kawasan Terbuka, Open Lawn.



Kawasan taman ini dipenuhi vegetasi yang kebanyakannya mampu hidup dan beradaptasi di kawasan berair seperti Cat Tail (Typha Latifolia), Gelam (Melaleuca cajuputi) & Kelapa (Cocos Nucifera) yang mengelilingi tiga jaringan tasik yang menyediakan pengalaman eksplorasi terhadap ekosistem riparian.



Antara tarikan yang ikonik yang terdapat di taman ini adalah Viewing platform yang menjadi tarikan kemuncak di taman ini yang menyajikan pemandangan kearah Laut Sulu dan Teluk Marudu yang indah. Bagi tujuan penggunaan taman yang lebih formal sebagai contoh majlis-majlis yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri, taman ini dilengkapi dengan kemudahan parkir yang mencukupi, Dataran pintu masuk yang strategik dan kawasan terbuka untuk pelbagai kegunaan dan aktiviti. Kemudahan fasiliti seperti tandas, pavillion dan lampu taman memastikan pelbagai acara boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

PROGRAM TERAS

MESYUARAT DAN LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK BAGI CADANGAN PEMULIHARAAN KUNANG-KUNANG DI SUNGAI YAK YAH, KEMAMAN, TERENGGANU.

Penulis
Hasri bin Haji Saide

Lawatan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara ke tapak projek Pemuliharaan Kunang-Kunang Sungai Yak Yah, Kemaman Terengganu telah diadakan pada 20 Mac 2021. Tapak projek ini merupakan antara tapak-tapak dalam siri Lawatan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara ke Projek Pembangunan Landskap di Negeri Pahang dan Terengganu yang dianjurkan oleh Bahagian Penilaian dan Penyelarasan.

Lawatan ini turut sama dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan pegawai-pegawai Jabatan Landskap Negara, wakil dari Majlis Perbandaran Kemaman dan perunding projek.

Sesi taklimat ringkas mengenai tapak Cadangan Pemuliharaan Kunang-Kunang Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu telah disampaikan oleh perunding Tajul Landart berkenaan perkara tersebut :-

- i. Pengenalan
- ii. Status Projek
- iii. Lokasi Tapak Projek
- iv. Keadaan Semasa Tapak Projek
- v. Inventori, Analisis & Sintesis
- vi. Cadangan Pelan Induk Pemuliharaan
- vii. Cadangan Pemuliharaan Terperinci



Keadaan semasa Sungai Yak Yah



Cadangan pembangunan kawasan Jeti Kg. Yak Yah dan Jeti Zoo Kemaman.

PROGRAM TERAS

MESYUARAT DAN LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK BAGI CADANGAN PEMULIHARAAN KUNANG-KUNANG DI SUNGAI YAK YAH, KEMAMAN, TERENGGANU.



Aktiviti lawatan di sekitar cadangan pintu masuk bersebelahan Jeti Zoo Kemaman.



Pada sebelah petang program lawatan diteruskan ke plot percubaan teknik penanaman pokok berembang. Seterusnya pada sebelah malam lawatan ke seluruh tapak projek telah diadakan untuk melihat habitat dan populasi kunang-kunang.



Plot percubaan teknik penanaman pokok berembang yang menggunakan 4 kaedah penanaman iaitu kaedah pemangkasan batang putar (1), kaedah penanaman di antara pokok (2), kaedah penanaman di ruang kosong (3) dan kaedah penanaman terapung (4)

PROGRAM TERAS

PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2020

Penulis
Shuriani binti Shaari

Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan memberi tumpuan untuk menyediakan kawasan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan infrastruktur landskap yang optimum, indah, berfungsi dan efektif di persekitaran kawasan kediaman, bandar tempatan dan pekan-pekan kecil. Ia dilihat mampu meningkatkan integrasi sosial dan menyokong kesejahteraan hidup rakyat.

Pewujudan program ini mampu memberi impak segera kepada rakyat kerana ia memberi fokus khusus kepada pendekatan peningkatan kualiti persekitaran kehidupan melalui pembangunan landskap secara people centered dan penambahbaikan well being kehidupan masyarakat setempat.

Objektif projek Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut :

- i) Pembangunan landskap yang baik dan terancang menghasilkan ruang rekreasi yang selesa, selamat dan dapat membentuk satu sikap 'kepunyaan bersama' (sense of belonging).
- ii) Mewujudkan ruang luaran yang dapat meningkatkan interaksi dan integrasi sosial masyarakat setempat.
- iii) Mewujudkan sebuah kawasan riadah yang dapat meningkatkan kesihatan fizikal dan mengurangkan tekanan kepada pengguna.
- iv) Membangunkan ruang awam yang berfungsi dan berkarakter untuk kegunaan orang awam.

Projek-projek yang telah disiapkan pada tahun 2020 adalah seperti berikut :



Landskap Persekitaran Kehidupan Di sekitar Padang Awam Kuantan, Kuantan, Pahang



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Rasa Utama, Rasa, Hulu Selangor, Selangor



Landskap Persekitaran Kehidupan Jaringan Hijau Bandaran Pasir Gudang, Johor



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Universiti Sri Gading, Batu Pahat, Johor

PROGRAM TERAS

PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2020



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Pekan Pendang, Pendang, Kedah



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Perumahan Awam Kos Rendah, Bandar Baru, Jerantut, Pahang



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Rekreasi Shah Bandar, Pesisir Payang, Kuala Terengganu, Terengganu



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Padang Awam Merlimau, Jasin, Melaka



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Mutiara, Kulim, Kedah



Landskap Persekitaran Kehidupan Di Golden Hills, Cameron Highlands, Pahang

PERSPEKTIF

Taklimat kepada YAB Menteri Besar Terengganu

Penulis
Mazkhalis bin Haji Mahi

Pada 5 Mei 2021 bertempat di Le Meridien Hotel, Putrajaya satu taklimat Projek Pembangunan Jabatan Landskap Negara di Negeri Terengganu Darul Iman yang di pengurusikan oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Bin Mokhtar S.S.M.Z, Menteri Besar Terengganu, serta ahli-ahli yang hadir iaitu YB Dato' Haji Zahari Bin Md Azhar, SUK Negeri Terengganu, YB Dato' Razali bin Che Ani, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, dan YB Tuan Haji Samiun Bin Salleh, Pegawai Kewangan Negeri Terengganu.



Pembentangan telah disampaikan oleh Pn Hj Rotina Binti Mohd Daik, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara. Wakil Jabatan yang turut hadir bersama adalah En Ahmad Syaharuddin bin Kamaruddin selaku Pengarah dan Puan Aliza Azlin Md Zulkifli Penolong Pengarah, Bhg Penilaian dan Penyelarasan. Puan Hj Rotina Mohd Daik telah membuat pembentangan mengenai program-program Jabatan dan juga projek-projek yang kini berada di peringkat pelaksanaan di negeri Terengganu.

WAWANCARA

Wilayah Ku

Artikel ini telah disiarkan oleh akhbar WilayahKu pada 9 April 2021

Wujudkan Imej Lokaliti Dalam Tempoh 10 Tahun



Jelas beliau, lokasi setempat perlu menjadi faktor pemilihan tumbuhan yang mana jika fokus untuk teduhan pejalan kaki, spesies bersesuaian perlu dipilih supaya ruangan itu mencapai objektif di samping meneliti kualiti tanah serta ruang. Menurut beliau, selain menanam tumbuhan berbunga, JLN turut mencadangkan pokok yang mempunyai haruman atau daun berwarna, supaya ia dapat memberikan ciri-ciri istimewa kepada kawasan setempat.

Mengulas tentang penyelenggaraan, beliau berkata, pihaknya sudah mengeluarkan manual untuk penyelenggaraan dan produktiviti tumbuhan yang mana ia penting supaya imej sesuatu kawasan dapat dikekalkan.

Keindahan landskap hasil tanaman 1 juta pokok pada masa ini, hanya dapat dilihat dalam tempoh 10 tahun mendatang. Justeru itu, Jabatan Landskap Negara (JLN) menyeru pihak berkuasa tempatan (PBT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu persendirian yang berhasrat menayakan penanaman sejuta pokok untuk meneliti konsep mahupun tema yang diinginkan.

Jelas Ketua Pengarahnya, Rotina Mohd Daik, hasrat yang murni untuk mengurangkan kesan karbon itu boleh memberi kesan buruk jika penanaman tidak dirancang atau berlandaskan konsep tertentu.

“Sekarang tidak nampak kesan yang kita ingin wujudkan sama ada dapat menarik perhatian pelancong atau sebaliknya. Ia dilihat 10 tahun akan datang.


“Oleh itu, kesesuaian pokok yang hendak ditanam dan kualiti yang ingin diwujudkan sangat penting pada masa ini. Namun, kebiasaannya PBT mempunyai pelan induk mereka sendiri,”katanya ketika ditemui Wilayahku baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rotina memaklumkan, pemilihan tumbuhan juga perlu disesuaikan dengan imej bandar antaranya ruangan tanaman, jenis pokok dan sebagainya.

Mengambil contoh pohon yang ditanam di pinggir jalan sehingga tular di media sosial baru-baru ini, ujar beliau, pokok tersebut boleh menjadi daya tarikan jika dasar reka bentuk awal dan penggunaan spesies itu dirancang sebaiknya.

“Imej yang terwujud itu akan membantu menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Malah penduduk setempat sendiri akan menyukainya,” katanya yang turut mengucapkan tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana berjaya membangunkan River Of Live dengan memberi penekanan kepada sungai. Berkata lanjut, Rotina berharap, taman-taman sedia ada dipulihara supaya sentiasa menjadi tarikan awam selain mahu ia ditingkatkan dan tidak hanya menjadi kawasan rekreasi.

Katanya, taman rekreasi seperti Taman Botani Perdana boleh dijadikan sebagai pusat pembelajaran atau penyelidikan dan kajian tumbuh-tumbuhan tropika yang turut menarik penyelidik antarabangsa. Manakala di Permaisuri, tambahnya, taman tersebut sudah mempunyai reka bentuk serta imej tersendiri yang boleh dinaik-taraf supaya lebih indah termasuk menanam pokok berbunga.



WAWANCARA



Artikel ini telah disiarkan oleh akhbar Sunday Star pada 14 Mac 2021

Keeping our cool



With the current hot weather, we need to keep our cool. Literally. Efforts are being made by the authorities to cut down heat in our cities such as by planting more trees and making other adjustments in our concrete jungle. It's a wake-up call because Malaysia is at risk of facing heat stress in 2050 – a situation where the rise in temperature may affect the people's health as our bodies struggle to cool off.

Seven areas in Peninsular Malaysia recorded a yellow alert level heat wave last week. This meant that there was a daily maximum temperature of 35°C to 37°C for at least three days in a row.

“Such a situation will increase costs in the long run because the surroundings become less livable. “Food and energy costs will spike as more resources are needed to counter the heat and keep a suitable temperature,” says National Landscape Department director-general Rotina Mohd Daik in an interview.

Quoting a report from the Urban Climate Change Research Network (UCCRN) in 2018, she says the best way to reduce heat in our cities is through nature-based solutions such as replanting trees.



Pocket parks

“A study by the UCCRN also showed that such solutions can cool down a city from 2°C to 8°C. “So, we need to enhance natural landscapes such as by creating vertical greenery in high-rise buildings, planting trees in between lanes and setting up parks. “This will give shade and enhance wind flow to stop the temperature from rising,” Rotina says.



Connected Canopies

It was recently reported that Malaysian cities have gotten significantly hotter over the past few decades, according to a study by Think City. The study, which observed temperatures in the Kuala Lumpur city centre, Bayan Lepas, George Town, Johor Baru and Ipoh, saw peak temperatures rising by between 1.64°C and 6.75°C over time.

As for the current hot spell, the Malaysian Meteorological Department has said it is expected to last until mid-April, in tandem with the northeast monsoon period. But even aside from the seasonal monsoon, Rotina points out that our cities are always scorching. A study by the Malaysian Meteorological Department also showed that the mean temperature in Malaysia is around 27°C, which is still considered hot, she says.

“We must find a balance between landscape conservation and progressing physically,” she stresses. Rotina says the current physical space needed for various types of activities in the city has changed with the times. Currently, the amount of space taken up by businesses and other services can be excessive at a time when processes can be done virtually.

“For example, in banks, the current physical space we have is too much as many transactions can be done online instead of going to the bank in person. “Hence, we can actually reuse the space around the building for landscaping or turn it into green spaces,” she says.

WAWANCARA



Having shady trees and greenery can help to reduce heat in the area, while combining such green spaces with water surfaces can also help to create a more comfortable microclimate.

“This is achieved because water bodies help bring down the temperature when moisture evaporates in the air,” Rotina explains.

Other features that can reduce heat in the landscape are creating pocket parks between nodes in urban areas and dotting back lanes and roads with shrubs (see graphic).The department suggests that 30% of any development in urban areas should comprise green and public spaces.

“As of now, we know that only 10% of areas to be developed are set aside for this purpose. But that is not enough,” Rotina highlights.



Industrial area

To make sure there is enough land for landscaping and green areas, the department has outlined several steps such as conserving parks and integrating landscape planning, development and management nationwide.

It is also intensifying studies on the preservation and conservation of the country's natural landscape resources. While it may be a bit of challenge to redesign and modify existing buildings, she says standards and requirements of new developments should be reviewed.

Trees play a huge role in lowering temperatures in urban areas, as they absorb excess carbon dioxide – a gas that traps heat. According to the Canadian Council of Forest Ministers, one hectare of mature trees absorbs approximately 6.4 tonnes of carbon dioxide per year.


On replanting trees, Rotina says the department recently surpassed its target of growing 20 million trees by 2020 – it planted about 600,000 more than this number.

“The Energy and Natural Resources Ministry has set a new target for 100 million trees to be planted by 2025. “We hope that our numbers can contribute to this goal and at the same time, help in decreasing the temperature in Malaysia,” she says.

It's also undeniable that the public movement has an impact on the environment and temperature. During the movement control order (MCO), Rotina says the changes in lifestyle, including limiting public movement and activities, contributed to decreased carbon production.

“When we were asked to work from home, there were fewer cars on the road and less traffic to many tourist spots. “That is why we hear of news that many rivers, including the Melaka river, were looking crystal clear since no one was there to throw rubbish into them,” she illustrates.

But now that the MCO has been changed to conditional and recovery phases, it is up to the rakyat to protect our surroundings too.



Green facades

“I believe the spillover effects of human reaction can change our environment. “As transportation is mobilised during the conditional and recovery MCO, it affects the temperature of our surroundings.

“As such, we try to encourage walking in cities by creating green nodes or linkages so that it is comfortable for pedestrians and reduce our carbon footprint. “But it's important that all citizens appreciate the landscape by not polluting the environment too,” she says.



WAWANCARA

Fighting Climate Change: Malaysian cities see surge in average temperatures

Artikel dan temubual ini telah disiarkan Di Berita Rangkaian Antarabangsa CGTN pada 15 April 2021



Climate change is a significant difference in weather pattern in the long term for a particular region. Research has shown that the current climate change is largely a result of human activities since the mid-20th century. Human activities such as burning oil or gas and cutting down forest is increasing the concentration of greenhouse gases like carbon dioxide that trap heat in the atmosphere. In case of Malaysia scenario, The Malaysian Meteorological Department (MET Malaysia) predicts that the current hot weather phenomenon is expected to continue until mid - March 2021. The highest temperature in February 2021 was 36.2 degrees Celsius while in 2020 it was 37.4 degrees Celsius observed at Kuala Kangsar Meteorological Station, Perak. Urban heat island occurs when cities replace natural land cover with dense concentrations of pavement, buildings and other surfaces that absorb and retain heat. This effect increases energy costs (such as the usage of air conditioning), air pollution levels and heat related illness and mortality.

As a leading department in nationwide landscaping, we are not just beautifying the country by planting the ornamental trees and shrubs. We have role in our mission as stated clearly in our National Landscape Policy which is ensuring balance and harmony in environment, physical and landscape development as a core principle in sustainable development. As stated in our National Landscape Policy we have Thrust No 4 which is Protect Natural Landscape as a National Treasure. Under that thrust, there are action plans to be taken by the agencies which is to Increase activities of preservation and conservation of biodiversity and natural landscape for the purpose of research and public recreation.

